

**DALAM MAHKAMAH RAYUAN MALAYA DI PUTRAJAYA
(BIDANG KUASA RAYUAN)
RAYUAN JENAYAH NO.: W-05-296-08/2023
Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No.: WA-44-38-04/2023**

PENDAKWA RAYA

...PERAYU

LAWAN

MAHIADDIN BIN MD YASIN
(470515015401)

...RESPONDEN

NAMA HAKIM YANG : YA Dato' Muhammad Jamil Bin Hussin
MEMBICARAKAN KES

PERTUDUHAN : **WA-44-38-04/2023**
T1] Seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah
Malaysia 2009
T2] Seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah
Malaysia 2009
T3] Seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah
Malaysia 2009
T4] Seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah
Malaysia 2009

KEPUTUSAN : **WA-44-38-04/2023**
Permohonan Responden dibenarkan
Empat pertuduhan terhadap Responden di bawah
Seksyen 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah
Malaysia 2009 di dalam kes perbicaraan jenayah No.
WA-61R-5-03/2023 di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur
dibatalkan
Responden dilepaskan dan dibebaskan daripada
keempat-empat pertuduhan di dalam kes perbicaraan
jenayah No. WA-61R-5-03/2023 di Mahkamah Sesyen
Kuala Lumpur


RAYUAN TERHADAP KESELURUHAN KEPUTUSAN



S/N dXQtT6SkUUCusdvvmzhDrA

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

DISEMAK OLEH:



NURSHAFINI BINTI MUSTAFHA

Timbalan Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaya
Kuala Lumpur



S/N dXQtT6SkUUCusdvmzhDrA

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

DALAM MAHKAMAH RAYUAN MALAYA DI PUTRAJAYA
(BIDANG KUASA RAYUAN)
RAYUAN JENAYAH NO.: W-05-296-08/2023
Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No.: WA-44-38-04/2023

PENDAKWA RAYA

...PERAYU

LAWAN

MAHIADDIN BIN MD YASIN
(470515015401)

...RESPONDEN

INDEKS

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
1	Hujahan Responden (samb.)	201 - 286



S/N dXQtT6SkUUCusdvmzhDrA

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

Pemohon bertentangan dengan Perkara 5 dan 8

Perlembagaan Persekutuan; dan

*iv- Samada BERSATU adalah suatu sekutu bagi
maksud Seksyen 3 ASPRM.*

**B. PERMINTAAN PEMOHON UNTUK MEMINTA BUTIR-
BUTIR CARA JENAYAH DILAKUKAN KE ATAS SUATU
PERKARA YANG TIDAK DIKENALI OLEH UNDANG-
UNDANG**

3. Izinkan kami merujuk Seksyen 23 (1) ASPRM:

Kesalahan menggunakan jawatan atau kedudukan
untuk suapan

23. (1) Mana-mana pegawai badan awam yang
menggunakan jawatan atau kedudukannya untuk
apa-apa suapan, sama ada bagi dirinya, saudaranya
atau sekutunya, melakukan suatu kesalahan.



4. Jika Seksyen 23 (1) ASPRM secara ketat dan harafiah, adalah jelas Seksyen 23 (1) ASPRM adalah suatu kesalahan yang lengkap tanpa menggunakan apa-apa anggapan undang-undang di dalam ASPRM.
5. Seksyen 23 (1) ASPRM adalah untuk mengatasi kesalahan menggunakan jawatan atau kedudukan untuk suapan dan bukan undang-undang berkenaan penyalahgunaan kuasa.
6. Seksyen 23 (1) ASPRM adalah selaras dengan matlamat ASPRM itu sendiri iaitu bagi menggalakan integrity dan kebertanggungjawaban pentadbiran sektor awam. Sila lihat Seksyen 2 (a) ASPRM.
7. Tiada sebarang undang-undang yang sama seperti Seksyen 23 (1) ASPRM di dalam undang-undang Singapura.
8. Hanya di Republik Taiwan sahaja mempunyai undang-undang yang mirip Seksyen 23 (1) ASPRM. Di mana penggunaan kedudukan



atau status dan bukan penyalahgunaan kedudukan atau status bagi keuntungan yang salah bagi mana-mana dijadikan suatu kesalahan. Undang-undang di Taiwan tidak terhad kepada penjawat awam atau pegawai badan awam sahaja. Ini boleh dilihat di dalam Artikel 6 (5) Anti-Corruption Act [Tab-1] seperti berikut:

Article 6

Any person who has committed any of the following acts shall be punished by imprisonment for a term not less than five years and may also be punished by a fine not to exceed NT30 million:

1.
2.
3.
4.
5. Using the opportunity provided by one's position or status for unlawful gains for oneself or for others under his or her charge or supervision while clearly knowing the act



violates the law, the statutes or orders authorized by the law, the mandate of the position, the self-governance statute, the self-governance regulations, the rules of commission, or the code for regulating unspecified people that have the effect of the law.

9. Kesalahan penyalahgunaan kuasa hanya dikenali oleh undang-undang di India iaitu Seksyen 5 (1) (d) Prevention of Corruption Act 1947 Seperti berikut:

5. (1) A public servant is said to commit the offence of misconduct in the discharge of his duty –

(a)

(b)

(c)

(d) if he, by corrupt or illegal means or by otherwise abusing his position as public servant obtains



for himself or any other person any valuable
thing or pecuniary advantage.

10. Izinkan kami merujuk kes Supreme Court India iaitu kes **M. NARAYANAN NAMBIAR v STATE OF KERALA [1963] AIR 1116 [TAB-2]**.
11. Adalah hujahan kami tiada undang-undang di Malaysia ini menjadikan **penyalahgunaan kuasa** sebagai suatu kesalahan yang dikenali oleh undang-undang (**unknown in law**).
12. Jika dilihat di dalam affidavit sokongan, affidavit balasan Pemohon dan HP, pihak Pemohon merujuk pertuduhan-pertuduhan yang dihadapi oleh Pemohon di bawah Seksyen 23 (1) ASPRM sebarang suatu kesalahan **penyalahgunaan kuasa**.
13. Pembacaan Seksyen 23 (1) ASPRM khasnya dan tajuk kepada Seksyen 23 ASPRM amnya tidak memberikan apa-apa indikasi ia adalah proviso berkenaan **penyalahgunaan kuasa**. Sebaliknya



Seksyen 23 (1) ASPRM menjadikan ia suatu kesalahan apabila mana-mana pegawai badan awam yang menggunakan jawatan atau kedudukannya untuk suapan dan **bukan menyalah gunaan kuasa** untuk suapan samada bagi pegawai badan awam itu sendiri atau saudara pegawai badan awam itu sendiri atau sekutu badan awam itu sendiri.

14. Ini bukanlah suatu yang remeh kerana pihak Pemohon mempunyai beban untuk menunjukkan kepada Mahkamah ini **inherent power** Mahkamah untuk membatalkan pertuduhan-pertuduhan ke atas Pemohon di bawah Seksyen 23 (1) ASPRM. Pihak Pemohon dengan itu perlu menunjukkan bahawa **penyalah gunaan kuasa** adalah suatu kesalahan yang dikenali undang-undang. Jika ini gagal dilakukan oleh pihak Pemohon ia menjadikan permohonan di hadapan Mahkamah sekarang ini satu penyalahgunaan proses Mahkamah.

15. Kami daripada awal lagi telah memberikan notis kepada pihak Pemohon seperti di dalam para 15 Affidavit Jawapan kami bahawa



kami tiada sebarang beban atau tiada kewajipan di bawah undang-undang untuk kami menyatakan cara **penyalahgunaan kuasa** yang dilakukan oleh Pemohon dalam pertuduhan-pertuduhan tersebut. Ini adalah kerana **penyalahgunaan kuasa** bukanlah elemen pertuduhan yang perlu kami buktikan semasa perbicaraan. Pihak Pemohon tidak boleh datang ke Mahkamah dalam keadaan celaru meminta butir-butir pertuduhan bagi kesalahan apa. Adakah butir-butir kesalahan pegawai badan awam yang menggunakan jawatan atau kedudukan untuk suapan yang mana dikenali oleh undang-undang atau **penyalahgunaan kuasa**??? Pihak Pemohon sebenarnya tidak pasti apa yang diminta.

16. **Penyalahgunaan kuasa** dan menggunakan jawatan atau kedudukan untuk suapan adalah dua (2) perkara yang sangat berbeza. **Penyalahgunaan kuasa** mungkin dikenali di India tetapi tidak di Malaysia.
17. Memandangkan permohonan di hadapan Mahkamah melibatkan prosiding yang tidak bergantung kepada keterangan saksi-saksi



tetapi hanya bergantung kepada keterangan yang terkandung di dalam affidavit-affidavit, maka apa-apa penjelasan perlu juga dilakukan melalui affidavit. Sehingga kini tiada sebarang penjelasan samada penyalahgunaan kuasa yang dideposkan oleh pihak Pemohon itu adalah suatu kesalahan yang dikenali oleh undang-undang atau tidak. Maka sekarang ini pihak Pemohon adalah terikat dengan affidavit-affidavit yang Pemohon ikrarkan dan Pemohon tidak patut dibenarkan memberikan apa-apa penjelasan tentang kecelaruan ini sekarang ini.

18. Izinkan kami merujuk para 60 HP:

“All the four (4) abuse of position charges are no doubt bad in law and defective in nature as contrary to Section 154 of the CPC, the Respondent had failed to particularise as to how the Applicant had allegedly committed these abuse of position offences, if any.”



19. Berdasarkan kepada petikan di atas adalah dihujahkan kami tiada apa-apa keperluan untuk membekalkan apa-apa maklumat terperinci bagi sesuatu perkara yang dikenali oleh undang-undang.
20. Izinkan kami merujuk para 66 HP:

“It is our submission that the Respondent is motivated by an oblique motive – a motive to cause irreparable harm to the Applicant by preferring four (4) abuse of position charges that do not disclose an offence and by preferring charges without sufficient particulars to frustrate the defence.”

21. Izinkan kami merujuk affidavit sokongan Pemohon di para 12 dan 13.

12. Berkenaan dengan alasan ini, saya dinasihati oleh peguamcara saya dan sesungguhnya percaya bahawa berdasarkan kepada Seksyen 154 KTJ, Responden sebagai Pendakwa Raya adalah di bawah kewajipan



mandatori untuk menyatakan dalam keempat-empat (4) pertuduhan-pertuduhan penyalahgunaan kuasa tersebut cara yang mana kesalahan-kesalahan yang didakwa tersebut telah dilakukan bagi memastikan bahawa hak untuk dimaklum saya yang diperlindungi di bawah Perlembagaan adalah dikekalkan dan saya diberi dengan suatu perbicaraan yang adil.

13. Walau bagaimanapun, bercanggahan dengan Seksyen 154 KTJ, Responden telah gagal mengkhususkan terhadap bagaimana saya kononnya telah melakukan kesalahan-kesalahan penyalahgunaan kuasa tersebut dan akibatnya....

22. Adalah hujahan kami pertuduhan-pertuduhan yang ada terhadap Pemohon sekarang ini adalah dikenali oleh undang-undang Persekutuan iaitu Seksyen 23 (1) ASPRM.



23. Kecelaruan ini bukan kesilapan yang jujur tetapi jika dilihat perkataan penyalahgunaan kuasa ini berkali-kali disebutkan HP dan affidavit-affidavit yang diikrarkan oleh Pemohon ia suatu perkara yang disengajakan. Ini adalah satu *blunder* kerana *it goes to the root of their application*. Pihak Pemohon tidak boleh datang sewenang-wenangnya ke Mahkamah membawa suatu perkara yang bukan dikenali oleh undang-undang. Kami tiada kewajipan dari segi undang-undang dan bukanlah elemen kepada pertuduhan di bawah Seksyen 23 (1) ASPRM untuk kami buktikan bagaimana Pemohon *menyalahgunakan kuasa* yang ada pada Pemohon.

24. Seperkara lagi, adalah hujahan kami permohonan oleh pihak Pemohon ini adalah suatu penyalahgunaan proses Mahkamah. Izinkan kami merujuk kes Mahkamah Persekutuan iaitu kes **KERAJAAN MALAYSIA v MAT SHUHAIMI SHAFIEI** [2018] 3 CLJ 1 [TAB-3]



25. Permohonan pihak Pemohon ini berlandaskan *wrong premise of law* dan *misconception of law*. Justeru dengan itu Mahkamah tidak boleh menggunakan *inherent power* Mahkamah sekarang ini untuk membatalkan pertuduhan-pertuduhan di bawah Seksyen 23 (1) ASPRM yang dihadapi oleh pihak Pemohon.

C. TIADA SEBARANG KECACATAN KEPADA PERTUDUHAN

26. Pertuduhan-pertuduhan di bawah Seksyen 23 (1) adalah suatu kesalahan yang dikenali oleh undang-undang. Setiap intipati pertuduhan atau elemen pertuduhan ada dinyatakan di dalam setiap pertuduhan di bawah Seksyen 23 (1) ASPRM tersebut.

27. Keadaan pertuduhan-pertuduhan di dalam kes kita amat berbeza dengan kes yang dirujuk oleh pihak Pemohon iaitu kes yang diputuskan oleh Mahkamah ini iaitu kes **AHMAD HATTA BIN KAMARUZZAMAN v PENDAKWA RAYA [TAB 45 ABA]**. Di dalam kes **AHMAD HATTA**, pihak Pendakwaan telah tidak



menyatakan elemen kepada kesalahan di dalam pertuduhan iaitu “samada membuat atau membenarkan dibuat suatu pernyataan ” memandangkan Tertuduh telah dituduh di bawah Seksyen 591 (2)(a) Akta Syarikat 2016. Mahkamah ini memutuskan kegagalan itu menyebabkan pertuduhan adalah cacat dan tidak boleh dipulihkan oleh Seksyen 422 Kanun Tatacara Jenayah. Tertuduh di dalam kes tersebut telah dituduh kerana mengelirukan Pendaftar Syarikat dengan suatu pernyataan palsu yang mana bukan suatu *actus reus* kepada kesalahan di bawah Seksyen 591 (2)(a) Akta Syarikat 2016. Tanpa mendengar keterangan, Mahkamah boleh membuat keputusan dengan menggunakan *inherent power* Mahkamah untuk membatalkan pertuduhan kerana pertuduhan *did not disclose any offence known in law*. Begitu juga dengan keadaan sekarang di mana pihak Pemohon datang ke Mahkamah dengan meminta butir-butir cara Pemohon menyalah gunakan kuasa yang mana perkara ini suatu perkara *unknown in law* dan Mahkamah patut menolak permohonan ini.



28. Prinsip di dalam kes **AHMAD HATTA** ini tidak boleh digunakan pakai di dalam kes kita. Rungutan pihak Pemohon bagi kes bukanlah tiadanya *actus reus* kesalahan di dalam keempat-empat pertuduhan tetapi pertuduhan adalah cacat kerana **cara penyalahgunaan kuasa oleh Pemohon** tidak dinyatakan di dalam pertuduhan-pertuduhan tersebut. **AHMAD HATTA** juga tidak melibatkan kegagalan pihak Pendakwaan untuk memperincikan bagaimana atau cara Tertuduh mengelirukan atau membuat.
29. HP yang mengatakan pertuduhan-pertuduhan di bawah Seksyen 23 (1) ASPRM tidak mendedahkan apa-apa kesalahan adalah jauh tersasar.
30. Hujahan kami adalah sama, kami tiada keperluan untuk menyatakan apa-apa **cara penyalahgunaan kuasa oleh Pemohon** kerana undang-undang tidak mengenali **penyalahgunaan kuasa oleh Pemohon** ini sebagai suatu kesalahan.



31. Malah dalam keadaan di mana undang-undang menyatakan secara terperinci dalam keadaan apa sesuatu perbuatan itu menjadi suatu kesalahan, pihak Pendakwaan masih tidak perlu menunjukkan cara atau perbuatan seseorang Tertuduh itu melakukan kesalahan kerana itu boleh timbul melalui keterangan. Mohon Mahkamah merujuk kes-kes di dalam Ikatan Nas kami di dalam kes-kes Mahkamah Persekutuan iaitu kes **MOHD KHIR TOYO v PP** [mukasurat 51 dan 52 Hujahan Responden] dan **DALIP BHAGWAN SINGH v PP** [TAB-34], kes Mahkamah Rayuan iaitu kes **DATO' SRI NAJIB HJ ABD RAZAK v PP** [mukasurat 49 dan 50 Hujahan Responden] dan kes **HAMIMAH BT IDRUS v PP** [TAB-33].

32. Pihak Pemohon langsung tidak menjawab atau mengambil *effort* di dalam membuat perbezaan prinsip-prinsip di dalam kes di atas kepada kes kita. Ini menunjukkan pihak Pemohon menerima hujahan kami berkenaan isu ini.



33. Pihak Pemohon telah menggunakan begitu banyak kes di dalam hujahan mereka berkenaan terdapatnya kecacatan kepada pertuduhan-pertuduhan terhadap Pemohon. Tetapi langsung tidak relevan kepada kes kita, malah sesetengahnya menyokong kes kami.
34. Seterusnya bila kita bercakap berkenaan *duplicity of charges or offences* ia merujuk kepada beberapa kesalahan di dalam suatu pertuduhan. Seperti yang berlaku di dalam kes Mahkamah Rayuan iaitu kes **SAM KE TING v PP [2023] 5 CLJ 704 [TAB-4]**. Dalam hal-keadaan begini ia menunjukkan suatu keadaan seolah-olah pihak Pendakwaan tidak pasti (*uncertain*) apakah kes yang ingin dibawa terhadap seseorang Tertuduh. Ini tidak berlaku di dalam kes kita.
35. Kes **RAVINDRAN A/L RAMASAMY v PP [TAB-55]** yang dirujuk oleh pihak Pemohon di dalam HP di mukasurat 79 juga tidak boleh terpakai kepada kepada hal-keadaan kes kita kerana kes **RAVINDRAN** adalah berkenaan perkara yang berbeza. Izinkan kami merujuk di bahagian diputuskan:



[1] Di bawah FIPA, orang yang melepaskan senjata api adalah pesalah utama yang bertanggung di bawah s 3. Rakan sejenayah yang ada bersama dan boleh dianggap, secara munasabah, mengetahui bahawa orang yang melepaskan senjata api mempunyai senjata di dalam milikan, jagaan atau kawalannya bertanggung di bawah s 3A melainkan jika dia dapat membuktikan dia telah mengambil segala langkah munasabah untuk menghalang pelepasan senjata api tersebut. Pertuduhan terhadap perayu adalah bagi kesalahan di bawah s 3A. Jika mengikut seksyen itu, perayu adalah rakan subahat dan harus dituruti bahawa butir-butir kesalahan menyokong fakta bahawa perayu adalah rakan subahat. Tetapi itu bukanlah cara pertuduhan dirangka. Pertuduhan ini mendakwa bahawa perayu dan Jayakumar telah melepaskan senjata api. Ini bertentangan dengan pertuduhan di bawah s 3A. Pada masa yang sama, perayu dikatakan sedar



bahawa Jayakumar mempunyai senjata api dalam jagaan atau kawalannya, yang konsisten dengan pertuduhan di bawah s 3A. Jelas pertuduhan ini menerangkan dua kesalahan atau seksyen-seksyen dua kesalahan, salah satunya di bawah s 3 dan satu lagi di bawah s 3A. Ini bertentangan dengan s 163 Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ') dan cacat kerana mempunyai kependuaan.

36. Jika Mahkamah melihat proviso di bawah Seksyen 23 (1) ASPRM sebagai contoh terdapatnya perkataan *atau* di antara menggunakan jawatan OKT atau menggunakan kedudukan OKT. Di dalam pertuduhan kami, kami telah memilih OKT menggunakan kedudukannya. Manakala suapan yang untuk siapa? Kami dengan *certain* memilih elemen *sekutu*. Kami tidak *lump up* kesemua kandungan Seksyen 23 (1) ASPRM di dalam satu pertuduhan. HP bahawa kami hanya menyalin sahaja apa yang terkandung di dalam Seksyen 23 (1) ASPRM di dalam menyediakan pertuduhan ke atas Pemohon adalah tiada sebarang merit.



37. Cara atau bagaimana Pemohon menggunakan kedudukannya boleh timbul melalui keterangan dan tidak perlu dinyatakan di dalam pertuduhan-pertuduhan. Izinkan kami merujuk kes Mahkamah Rayuan Singapura iaitu kes **LIM KHENG BOON & ORS v PP** [1991] 2 MLJ 78 di mukasurat 82 dan 83 [**TAB-5**] dan kes Mahkamah Rayuan iaitu kes **MAZLAN OTHMAN v PP** [2013] **1 CLJ 750** [**TAB-6**].

38. Seterusnya hujahan kami pihak Pemohon tidak memenuhi kehendak di bawah Seksyen 156 Kanun Tatacara Jenayah apabila gagal menunjukkan benar-benar telah dikelirukan (*misled*) dengan pertuduhan-pertuduhan yang ada. Tidak cukup pihak Pemohon menyatakan kesukaran untuk menyediakan pembelaan beliau kerana pertuduhan-pertuduhan ke atas beliau belum dibicarakan lagi. Izinkan kami merujuk Seksyen 156 Kanun Tatacara Jenayah:

156 Effect of errors

**No error in stating either the offence or the particulars
required to be stated in the charge, and no omission**



to state the offence or those particulars shall be regarded, at stage of the case, as material unless the accused was in fact misled by that error or omission.

39. Pertuduhan-pertuduhan yang ada sekarang ini hanya boleh dibatalkan oleh Mahkamah ini jika pertuduhan-pertuduhan tersebut adalah cacat (*at the face value*) dan tidak mendedahkan apa-apa kesalahan yang diketahui atau dikenali oleh undang-undang sahaja.
40. Di dalam kes di hadapan Mahkamah semua elemen-elemen pertuduhan telah dinyatakan di dalam pertuduhan-pertuduhan tersebut maka tiada sebarang peninggalan. Kesemua kehendak di bawah Seksyen 152 dan 154 Kanun Tatacara Jenayah telah dipenuhi. Izinkan kami merujuk kes Mahkamah Rayuan iaitu kes **MOHD ISMAIL SYED MERAH v. PP & OTHER APPEALS [2022] 5 CLJ 218 [TAB- 7]**.
41. Tiada apa-apa ditunjukkan oleh pihak Pemohon wujudnya *miscarriage of justice* berkaitan pertuduhan yang tidak boleh



diperbetulkan oleh Seksyen 422 Kanun Tatacara Jenayah. Izinkan kami merujuk kes Mahkamah Persekutuan iaitu kes **HAJI ABDUL GHANI BIN ISHAK & ANOR [1981] 2 MLJ 230 [TAB - 8]**. Begitu juga dalam kes ini dua kedudukan Pemohon iaitu sebagai **PERDANA MENTERI** dan **PRESIDEN PPBM** hanyalah deskripsi kedudukan Pemohon supaya dapat menunjukkan kaitan Pemohon dengan sekutunya iaitu **PPBM**.

42. Berdasarkan kepada hujahan kami ini, kami telah menjawab isu pertama dan memohon Mahkamah menolak permohonan pihak Pemohon ini.

D. PARTI PRIBUMI BERSATU MALAYSIA (PPBM) ADALAH SUATU “ORGANISASI” BAGI MAKSUD “SEKUTU” DI BAWAH SEKSYEN 3 ASPRM 2009

43. Pemohon di dalam hujahan bertulis mereka dari mukasurat 8 hingga 46 telah menggariskan empat (4) sebab mengapa Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) tidak tergolong dalam takrifan “sekutu” di bawah seksyen 3 Akta SPRM 2009 [*Akta 694*]. Pada asasnya,



adalah menjadi pendirian Pemohon bahawa PPBM sebagai sebuah parti politik bukanlah sebuah “organisasi” yang merupakan suatu “sekutu” kepada tertuduh seperti yang ditafsirkan di dalam seksyen 3 Akta 694.

44. Pendirian Pemohon tersebut telah diujahkan dibuat berdasarkan empat (4) sebab yang berikut:

- (a) Perkataan “persatuan” dan “organisasi” telah dibezakan di dalam Akta 694 seperti di dalam takrifan “*public body*” di dalam seksyen 3 dan seksyen 71(1);
- (b) tafsiran “sekutu” di bawah seksyen 3 Akta 694 bersifat terhad (“*exhaustive*”) dan menyekat (“*restrictive*”);
- (c) maksud “organisasi” di bawah seksyen 3 Akta 694 hendaklah dibaca bersama takrifan perkataan “*business*” dan merujuk kepada pertubuhan yang menjalankan aktiviti untuk mendapatkan keuntungan (“*for the purpose of profit or*”



gain"); dan

(d) tafsiran Responden akan mendatangkan mudarat (*do violence*) kepada Akta 694 dan peraturan tafsiran undang-undang ("*rules of statutory interpretation*").

45. Di dalam menghuraikan sebab-sebab tersebut, Pemohon telah merujuk kepada beberapa otoriti dari dalam dan luar negara. Adalah dengan hormatnya dihujahkan bahawa kesemua otoriti yang dirujuk oleh Pemohon mempunyai satu ciri yang sama dengan otoriti-otoriti yang dirujuk oleh Responden iaitu "*where the word of a statute is unambiguous, plain and clear, it must be given its natural and ordinary meaning*". Ini diakui dan dihujahkan sendiri oleh Pemohon (walau pun diletakkan di penghujung hujahan) seperti mana yang boleh dilihat di perenggan 52 Hujahan Bertulis Pemohon.

46. Responden dengan hormat menghujahkan bahawa pendekatan Pemohon dalam penafsiran perkataan "organisasi" di dalam perenggan (c) kepada maksud "sekutu" di dalam seksyen 3 Akta 694



adalah khilaf dan tidak patut diterima pakai oleh Mahkamah yang mulia ini.

47. Selanjutnya, Responden dengan hormat mengulangi semula semua hujahan bertulis awal Responden yang telah menghuraikan secara mendalam mengenai maksud perkataan “organisasi” yang wujud di dalam perenggan (c) kepada maksud perkataan “sekutu” di dalam seksyen 3 Akta 694.
48. Sebagai tambahan, oleh kerana Pemohon telah menghujahkan bahawa PPBM sebagai sebuah “parti politik” adalah sebuah “pertubuhan” yang didaftarkan di bawah subseksyen 7(1) Akta Pertubuhan 1966 (Disemak 2021) [*Akta 832*], Responden dengan hormat ingin membawa perhatian Mahkamah yang mulia ini kepada seksyen 2 Akta 832 [**TAB - 9**] yang memperuntukkan tafsiran perkataan “pertubuhan” (“*society*”) seperti yang berikut:

“society” includes any club, company, partnership, or association of seven or more persons whatever its nature or object,



whether temporary or permanent, but does not include—

(a) any company registered under the provisions of any written law relating to companies for the time being in force in Malaysia;

(b) any company or association constituted under any written law;

(c) any trade union registered or required to be registered under the provisions of any written law relating to trade unions for the time being in force in Malaysia;

(d) any company, association or partnership formed for the sole purpose of carrying on any lawful business that has for its object the acquisition of gain by the company, association or partnership, or by the individual members thereof;

(e) any co-operative society, registered as such, under any written law;

(f) any organization or association in respect of which there is for the time being in force a certificate (which may be granted, refused or cancelled at his discretion) by a person or authority appointed under the provisions of the written law for the time being in force relating to the registration of schools that such organization or association forms part of the curriculum of a school; or

(g) any school, management committee of a school, parents' association



or parent-teachers' association registered or exempted from registration under any law for the time being in force regulating schools;”.

49. Berdasarkan tafsiran perkataan “*society*” di dalam seksyen 2 Akta 832 di atas, undang-undang tersebut dengan jelas menyatakan sebuah “pertubuhan” termasuklah mana-mana kelab, syarikat, perkongsian (“*partnership*”) atau persatuan (“*association*”), tidak kira apa jua jenis atau tujuannya, sama ada sementara atau kekal, yang mengandungi tujuh orang atau lebih tetapi tidak termasuk mana-mana jenis syarikat, persatuan, kesatuan, perkongsian, koperasi atau organisasi yang dinyatakan di dalam perenggan (a) hingga (g) kepada tafsiran “*society*” tersebut.
50. Di dalam seksyen 2 Akta 832 yang sama, “parti politik” turut ditafsirkan iaitu seperti yang berikut [**TAB - 9**]:

“political party” means—

(a) any society which by any of its objects or rules, regardless whether such object or rule is its principal object or rule, or constitutes



merely an object or rule which is ancillary to its principal object or objects or to its principal rule or rules, makes provision for the society to participate, through its candidates, in elections to the Dewan Rakyat, or to a Dewan Undangan Negeri, or to a local authority, or makes provision for it to seek the appointment or election of a person proposed or supported by it to the Dewan Negara; or

*(b) **any society** which, notwithstanding anything contained in its objects or rules, carries on any activity or pursues any objective which involves its participation, through its candidates, in elections to the Dewan Rakyat, or to a Dewan Undangan Negeri, or to a local authority, or which involves its seeking the appointment or election of a person proposed or supported by it to the Dewan Negara;”.*

51. Adalah menjadi hujahan Responden bahawa perkataan “*society*” di dalam tafsiran “parti politik” tersebut adalah paling bersesuaian digolongkan dalam perkataan “*association*” di dalam tafsiran perkataan “pertubuhan”/ “*society*” di dalam seksyen 2 Akta 832. Parti politik tidak mungkin dapat digolongkan dalam perkataan



“club”, “company” atau “partnership”.

52. Seterusnya, perbandingan adalah dibuat ke atas maksud perkataan “association” (persatuan) dan “organization” (organisasi) dengan merujuk kepada **Black’s Law Dictionary (Eleventh Edition)** [TAB – 10]:

“ASSOCIATION”	“ORGANIZATION”
<i>“A gathering of people for a common purpose; the persons so joined.”</i>	<i>“A group that formed for a particular purpose <the World Trade Organization>.- <u>Also termed society.</u>”</i>

53. Jelas daripada jadual di atas, kedua-dua perkataan tersebut mempunyai ciri-ciri tafsiran yang sama. Merujuk kepada dokumen **Perlembagaan PPBM 2019 [TAB - 11]**, PPBM memenuhi ciri-ciri tafsiran kedua-dua perkataan tersebut iaitu ia adalah kesatuan orang-orang dengan tujuan dan matlamat yang sama seperti yang boleh dilihat di Fasal 6 Perlembagaan PPBM tersebut.



54. Oleh yang demikian, adalah dengan hormatnya dihujahkan bahawa PPBM sebagai sebuah parti politik yang tergolong di dalam kumpulan “persatuan” (“*association*”) kepada takrifan “pertubuhan” di dalam seksyen 2 Akta 832 adalah terangkum di dalam istilah “*organization*” di bawah tafsiran “sekutu” di dalam seksyen 3 Akta 694 kerana kedua-duanya mempunyai ciri-ciri tafsiran yang sama.
55. Selanjutnya, Responden ingin membawa perhatian Mahkamah yang mulia ini kepada tafsiran perkataan “sekutu” yang wujud di dalam seksyen 3 Akta 694 [**TAB - 12**] dibandingkan dengan tafsiran perkataan yang sama (“sekutu”) yang wujud di dalam Akta Pencegahan Rasuah 1997 [*Akta 575*] [**TAB - 13**] yang merupakan *predecessor* kepada Akta 694. Akta 575 telah dimansuhkan oleh seksyen 73 Akta 694 berkuat kuasa pada 6 Januari 2009. Perbandingan tafsiran perkataan “sekutu” antara Akta 694 dengan Akta 575 adalah seperti berikut:

Akta 694	Akta 575 (telah dimansuhkan)
“ <i>sekutu</i> ”, berhubung dengan seseorang,	“ <i>sekutu</i> ”, berhubung dengan seseorang,



ertinya —

(a) *mana-mana orang yang merupakan penama atau pekerja orang itu;*

(b) *mana-mana orang yang menguruskan hal ehwal orang itu;*

(c) mana-mana organisasi yang orang itu, atau mana-mana penamanya, menjadi pekongsinya, atau orang yang bertanggungjawab bagi atau mengawal, atau yang mempunyai kepentingan mengawal dalam, perniagaannya atau hal ehwalnya;

(d) *mana-mana perbadanan mengikut pengertian Akta Syarikat 1965 [Akta 125], yang orang itu, atau mana-mana penamanya, menjadi pengarahnya atau bertanggungjawab bagi atau mengawal perniagaan atau hal ehwalnya, atau yang dalamnya orang itu, bersendirian*

ertinya —

(e) *mana-mana orang yang merupakan penama atau pekerja orang itu;*

(f) *mana-mana orang yang menguruskan hal-ehwal orang itu;*

(g) mana-mana firma yang orang itu, atau mana-mana penamanya, menjadi pekongsinya atau orang yang bertanggungjawab baginya atau yang mengawal perniagaannya atau hal-ehwalnya;

(h) *mana-mana perbadanan mengikut pengertian Akta Syarikat 1965, yang orang itu, atau mana-mana penamanya, menjadi pengarahnya atau bertanggungjawab baginya atau mengawal perniagaan atau hal-ehwalnya, atau yang dalamnya orang itu, bersendirian atau bersama dengan*



<p>atau bersama dengan mana-mana penamanya, mempunyai kepentingan mengawal, atau syer yang nilainya berjumlah tidak kurang daripada tiga puluh peratus daripada modal terbitan keseluruhan perbadanan itu; atau</p>	<p>mana-mana penamanya, mempunyai kepentingan mengawal, atau syer yang nilainya berjumlah tidak kurang daripada tiga puluh peratus daripada modal terbitan keseluruhan perbadanan itu; atau</p>
<p>(e) pemegang amanah mana-mana amanah, jika —</p> <p>(i) amanah itu telah diwujudkan oleh orang itu; atau</p> <p>(ii) nilai keseluruhan aset yang disumbangkan oleh orang itu kepada amanah itu pada bila-bila masa, sama ada sebelum atau selepas amanah itu diwujudkan, berjumlah, pada bila-bila masa, tidak kurang daripada dua puluh peratus daripada keseluruhan nilai aset amanah itu;</p>	<p>(i) pemegang amanah mana-mana amanah, jika —</p> <p>(i) amanah itu telah diwujudkan oleh orang itu; atau</p> <p>(ii) nilai keseluruhan aset yang disumbangkan oleh orang itu kepada amanah itu pada bila-bila masa, sama ada sebelum atau selepas amanah itu diwujudkan, berjumlah, pada bila-bila masa, tidak kurang daripada dua puluh peratus daripada keseluruhan nilai aset amanah itu.</p>



56. Perbezaan paling ketara di antara kedua-dua Akta ini adalah berkenaan perkataan “firma” di dalam perenggan (c) kepada tafsiran “sekutu” di dalam seksyen 3 Akta 575 yang telah digantikan dengan perkataan “organisasi” di dalam Akta 694.
57. Rujukan selanjutnya dibuat kepada Huraian Rang Undang-Undang (‘RUU’) kepada Akta 694 [**TAB - 14**] untuk menunjukkan niat penggubalan pindaan tersebut seperti yang berikut:

‘Huraian

Rang Undang-Undang ini memansuhkan Akta Pencegahan Rasuah 1997 [Akta 575]. Kebanyakan peruntukan Akta 575 dikekalkan, tetapi dengan pindaan penggubalan dan ubah suaian dibuat kepadanya. Ciri baru ialah cadangan penubuhan Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah dan Jawatankuasa Khas mengenai Rasuah. Peruntukan mengenai kuasa penyiasatan dan takrif tertentu telah dipinda untuk membolehkan pelaksanaan lebih berkesan Akta yang dicadangkan melalui Rang Undang-Undang ini.

...



Fasal 3 mengandungi takrif perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Rang Undang-Undang ini. Takrif yang berbeza dengan apa yang diperuntukkan dalam Akta 575 termasuk "kesalahan ditetapkan", "badan awam" dan "saudara".

58. Responden selanjutnya merujuk kepada Penyata Rasmi (*"Hansard"*) RUU SPRM 2008 di Dewan Rakyat bertarikh 15 Disember 2008 [TAB - 15] dan di Dewan Negara bertarikh 22 Disember 2008 [TAB - 16]. YB Nazri Aziz, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (pada ketika itu) pada Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga RUU SPRM 2008 telah menyatakan, antara lain, seperti berikut:

"Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta yang dinamakan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau singkatannya (SPRM) 2008 atau dalam bahasa Inggerisnya dikenali sebagai Malaysia Anti-Corruption Commission Act 2008. Akta SPRM ini akan menggantikan Akta Pencegahan Rasuah 1997 (Akta 575) yang telah digubal khususnya bagi menubuhkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia ataupun singkatannya SPRM,



memasukkan peruntukan-peruntukan baru untuk menambah baik usaba pencegah rasuah, meningkatkan kuasa-kuasa penyiasatan pegawai suruhanjaya dan mengadakan peruntukan baru yang bersangkutan dengan pendakwaan serta perbicaraan kesalahan rasuah di mahkamah.

...

Rang Undang-Undang SPRM 2008 dicadangkan ini terbahagi kepada sembilan bahagian dan terdiri daripada 74 fasal dan jadual. Sebahagian besar daripada peruntukan yang terdapat dalam Akta Pencegah Rasuah 1997 masih dikekalkan atau dibuat sedikit penambahbaikan dalam rang undang-undang ini. Pengekalan peruntukan-peruntukan tersebut dibuat memandangkan ia masih relevan dalam konteks pencegah rasuah di Malaysia. Secara umumnya, rang undang-undang ini akan melibatkan perluasan tafsiran beberapa istilah penting, pembentukan beberapa mekanisme tanggungjawab, kesalahan penyogokan pegawai awam asing, perluasan bidang kuasa penyiasatan dan beberapa peruntukan baru yang bersangkutan dengan pendakwaan serta perbicaraan kesalahan rasuah di mahkamah.



Tafsiran beberapa istilah penting di fasal 3 rang undang-undang telah diperkukuhkan selaras dengan keperluan semasa.”.

59. Selaras dengan tujuan umum pengenalan Akta 694 seperti yang dinyatakan di dalam Penyata Rasmi dan Huraian RUU kepada Akta 694 yang dirujuk di atas, jelas hasrat Parlimen melaksanakan pindaan-pindaan daripada Akta 575 kepada Akta 694 adalah bertujuan untuk memastikan Akta 694 boleh digunakan dengan lebih berkesan bagi memerangi rasuah berbanding Akta 575. Ini termasuklah pindaan perkataan “firma” kepada “organisasi” di dalam tafsiran perkataan “sekutu” di dalam seksyen 3 Akta 694.
60. Dengan itu, adalah dengan hormatnya dihujahkan bahawa hasrat Parlimen melaksanakan pindaan tersebut hendaklah diberikan kesan yang terbaik oleh Mahkamah yang mulia ini. Sungguhpun dengan adanya perkataan “ertinya” pada tafsiran perkataan “sekutu” yang bersifat terhad (*exhaustive*) dan menyekat (*restrictive*), ia tidak seharusnya menghalang Mahkamah yang mulia ini daripada



memberikan tafsiran yang lebih luas kepada perkataan “organisasi” tersebut untuk turut merangkumi aturan lain termasuk “pertubuhan”, “kesatuan”, “badan” dan “firma” selaras dengan hasrat Parlimen menggubal undang-undang Akta 694.

61. Dan bagi menjawab hujahan Pemohon bahawa Akta 694 adalah sebuah undang-undang bersifat menghukum (*penal statute*) maka ia mesti ditafsirkan secara ketat, dengan hormat Responden merujuk kepada penghakiman Mahkamah Persekutuan di dalam kes **Haji Abdul Ghani Bin Ishak & Anor v Public Prosecutor** [1981] 2 MLJ 230 [TAB - 8] di mana Raja Azlan Shah CJ (Malaya) (DYMM ketika itu) menyatakan dengan jelas:

“Our second observation is directed to the clear object of the Ordinance which is to cast the net wide so that corrupt politicians and public officers who abuse their public positions or office for their pecuniary or other advantage shall be answerable in a court of law. The 1st appellant cannot now be heard to say that because the statute is penal in character the word “business” should be strictly construed for that, in our opinion, will



defeat the very object of the Ordinance. We are not blazing a trail but merely following a well recognised route. We would echo well known words:

“... and whereas, of course, a consideration of the mischief aimed at does not enable the court to construe the words in a wider sense than they appear, it at least means that the court would not be acute to cut down words otherwise wide merely because this was a penal statute.”

— per Lord Parker C.J. in Rands v Oldroyd [1959] 1 QBD 204 at page 212”

62. Seterusnya, Pemohon telah menghujahkan bahawa sekiranya Mahkamah yang mulia ini menerimapakai pendirian Responden dalam penafsiran perkataan “organisasi” di dalam perenggan (c) kepada maksud perkataan “sekutu” di dalam seksyen 3 Akta 694, ia akan ‘do violence’ kepada Akta 694 itu sendiri dan peraturan penafsiran undang-undang (“*rules of statutory interpretation*”).
63. Untuk menyokong hujahan ini, Pemohon telah merujuk kepada perenggan (c) itu sendiri yang berakhir dengan perkataan-perkataan



“...perniagaannya atau hal ehwalnya.” (“...its business or affairs.”).

64. Seterusnya, Pemohon telah menghujahkan penggunaan maxim “*noscitur a sociis*” yang mana perkataan “hal ehwalnya” yang datang kemudian selepas perkataan “perniagaannya” mestilah dibaca dalam konteks perkataan yang awal iaitu “perniagaannya”. Ini menurut Pemohon mengukuhkan hujahan mereka bahawa perkataan “organisasi” di awal perenggan (c) kepada maksud perkataan “sekutu” membawa maksud organisasi yang berkaitan dengan ‘apa-apa kegiatan yang dijalankan bagi maksud mendapat laba atau untung’ merujuk kepada tafsiran perkataan “perniagaan” di dalam seksyen 3 Akta 694. Dalam erti kata lain, “organisasi” yang dimaksudkan adalah organisasi berkaitan perniagaan bukannya organisasi berkaitan politik seperti PPBM (rujuk perenggan 36 Hujahan Bertulis Pemohon).
65. Pemohon seterusnya cuba menyokong hujahan mereka dengan merujuk kepada satu perenggan di dalam **NS Bindra’s Interpretation of Statutes (9th Edition)** dan otoriti penghakiman



Mahkamah Rayuan di dalam kes **DP Vijandran v Majlis Peguam** [1995] 3 MLJ 576 serta penghakiman Privy Council di dalam kes **Ong Ah Chuan v PP** [1981] 1 MLJ 64. Dengan hormat, adalah dihujahkan bahawa hujahan serta rujukan otoriti oleh Pemohon tersebut adalah tidak kena pada tempatnya (*misplaced*).

66. Adalah dengan hormatnya dihujahkan bahawa penggunaan *maxim noscitur a sociis* yang betul adalah apabila dua atau lebih perkataan yang digunakan di dalam satu ayat undang-undang membawa maksud yang kabur (*obscure*), boleh diragui (*doubtful*) atau tidak berupaya untuk memberikan maksud atas dirinya sendiri (*inoperative when taken singly*), ia bolehlah ditafsirkan mengikut perkataan-perkataan lain yang mengiringinya di dalam ayat yang sama. Tetapi sekiranya perkataan-perkataan tersebut masing-masing adalah jelas dan biasa (*clear and plain*), *maxim* tersebut tidak seharusnya digunakan.
67. Di perenggan 39 Hujahan Bertulisnya, Pemohon telah merujuk kepada satu perenggan di dalam **NS Bindra's Interpretation of**



Statutes (9th Edition). Responden dengan ini merujuk kepada penulisan yang sama (NS Bindra's Interpretation of Statutes) tetapi edisi yang berlainan (yang lebih terkini) iaitu Edisi ke-12 [TAB - 17] mengenai perkara yang sama yang menyatakan:

Noscitur a sociis

The maxim, noscitur a sociis, that a word is known by a company it keeps while not an inescapable rule, is often wisely applied where a word is capable of many meanings in order to avoid the giving of unintended breadth to the statute. When words, are used in such juxtaposition (immediately following others), the earlier words have a demonstrative or limiting effect. Where two or more words, which are susceptible of analogous meaning are coupled together, they are understood to be used in their cognate sense. They take their colour from each other, and the more general is restricted to a sense analogous to the less general. It is not a sound principle in interpretation of statutes to lay emphasis on one word disjuncted from its preceding and succeeding words. A word in a statutory provision is to be read in collocation, with its companion words. The pristine principle based on the maxim noscitur a sociis (meaning of



a word should be known from its accompanying or associating words) has much relevance in understanding the import of words in a statutory provision. Before the principle of noscitur a sociis can be pressed into service, it must be shown that the words are employed in the same sense or that they are susceptible of analogous meaning. Of course, it is not to be understood that the character of the expression under consideration should be submerged by its association. If the legislative intent is clear and plain, the maxim must give way. But when the import is doubtful, associated words can explain and limit the application of each other."

68. Penghakiman Mahkamah Agung India di dalam kes **Rohit Pulp And Paper Mills Ltd vs Collector Of Central Excise 1991 AIR 754 [TAB - 18]** menyatakan seperti berikut:

"The principle of statutory interpretation by which a generic word receives a limited interpretation by reason of its context is well established. In the context with which we are concerned, we can legitimately draw upon the "noscitur a sociis" principle. This expression simply means that "the meaning of a word is to be judged



by the company it keeps.” Gajendragadkar, J. explained the scope of the rule in State v. Hospital Mazdoor Sabha, [1960] 2 SCR 866 in the following words:

“This rule, according to Maxwell, means that, when two or more words which are susceptible of analogous meaning are coupled together they are understood to be used in their cognate sense. They take as it were their colour from each other, that is, the more general is restricted to a sense analogous to a less general. The same rule is thus interpreted in “Words and Phrases” (Vo. XIV, p. 207):

“Associated words take their meaning from one another under the doctrine of noscitur a sociis, the philosophy of which is that the meaning of a doubtful word may be ascertained by reference to the meaning of words associated with it; such doctrine is broader than the maxim Eiusdem Generis.”

In fact the latter maxim “is only an illustration or specific application of the broader maxim noscitur a sociis”. The argument is that certain essential features or attributes are invariably associated with the words



“business and trade” as understood in the popular and conventional sense, and it is the colour of these attributes which is taken by the other words used in the definition though their normal import may be much wider. We are not impressed by this argument. It must be borne in mind that noscitur a sociis is merely a rule of construction and it cannot prevail in cases where it is clear that the wider words have been deliberately used in order to make the scope of the defined word correspondingly wider. It is only where the intention of the Legislature in associating wider words with words of narrower significance is doubtful, or otherwise not clear that the present rule of construction can be usefully applied. It can also be applied where the meaning of the words of wider import is doubtful; but, where the object of the Legislature in using wider words is clear and free of ambiguity, the rule of construction in question cannot be pressed into service.”

This principle has been applied in a number of contexts in judicial decisions where the Court is clear in its mind that the larger meaning of the word in question could not have been intended in the context in which it has been used. The cases are too numerous to need discussion



here. It should be sufficient to refer to one of them by way of illustration. In *Rainbow Steels Ltd. v. C.S.T.*, [1981] 2 SCC 141 this Court had to understand the meaning of the word 'old' in the context of an entry in a taxing tariff which read thus: "Old, discarded, unserviceable or absolute machinery, stores or vehicles including waste products..." Though the tariff item started with the use of the wide word 'old', the Court came to the conclusion that "in order to fall within the expression 'old machinery' occurring in the entry, the machinery must be old machinery in the sense that it has become non-functional or non-usable". In other words, not the mere age of the machinery, which would be relevant in the wider sense, but the condition of the machinery analogous to that indicated by the words following it, was considered relevant for the purposes of the statute.

The maxim of noscitur a sociis has been described by Diplock, C.J. as a treacherous one unless one knows "the societas to which the socii belong" (vide: *Letang v. Coopex*, [1965] 1 QB 232). The learned Solicitor General also warns that one should not be carried away by labels and Latin maxims when the word to be interpreted is clear and



has a wide meaning. We entirely agree that these maxims and precedents are not to be mechanically applied; they are of assistance only in so far as they furnish guidance by compendiously summing up principles based on rules of common sense and logic.

As explained in Collector of Central Excise v. Parle Exports (P) Ltd., [1989] 1 SCC 345 at p. 357 and Tata Oil Mills Co. Ltd. v. C.C.E., [1989] 4 SCC 541 at p. 545-6 in interpreting the scope of any notification, the Court has first to keep in mind the object and purpose of the notification. All parts of it should be read harmoniously in aid of, and not in derogation, of that purpose.”

69. Dan di dalam penghakiman kes **Kesultanan Pahang v Sathask Realty Sdn Bhd** [1998] 2 MLJ 513 [TAB – 19], Mahkamah Persekutuan Malaysia menyatakan di m/s 553:

“To revert, to the non-finding of the legislature’s intention; from the dissenting judgment, the meaning for the words ‘persons not being Malay subjects’ seems to have been gathered from other words



mentioned above. The learned dissenting judge appears to have in mind the rule of interpretation known as 'Noscitur a sociis', ie 'known from its associates', in other words, the correct meaning of a particular word with a doubtful meaning may be gathered from associated words or words that surround it.

The above rule in my view, cannot begin yet to come into play when the words said to require the ascertainment of their meaning or correct meaning do not require such ascertainment. The starting premise is, to quote from A Selection of Legal Maxims by Herbert Broom (10th Ed) by RH Kersley at p 39 under the heading of 'Noscitur a sociis' where it states:

... when the meaning of a particular word is doubtful or obscure or when a particular expression when taken singly is inoperative, the intention of the party who used it may frequently be ascertained by looking at the adjoining words or at expressions occurring in other parts of the same instrument ...

That, in my view, is an excellent explanation of the 'Noscitur rule'."



70. Jelas daripada otoriti-otoriti yang dipetik di atas bahawa penggunaan *maxim noscitur a sociis* adalah tidak tepat untuk menafsirkan perkataan “hal ehwalnya” di dalam perenggan (c) kepada maksud perkataan “sekutu” di dalam seksyen 3 Akta 694 sebagai mesti dilihat dalam konteks perkataan sebelumnya iaitu “perniagaannya”. Ini kerana perkataan “hal ehwalnya” adalah jelas dan biasa (*clear and plain*) dan sama sekali tidaklah diragui (*doubtful*), kabur (*obscure*) ataupun tidak berfungsi di atas dirinya sendiri (*inoperative when taken singly*). Ia berupaya untuk membawa maksudnya yang tersendiri, tanpa perlu merujuk kepada perkataan “perniagaannya” yang datang sebelumnya.
71. Kes **DP Vijandran** yang dirujuk oleh Pemohon adalah berkenaan tafsiran dua terma yang tiada perbezaan antara satu sama lain. Perenggan daripada penghakiman Gopal Sri Ram HMR (Yang Arif ketika itu) yang dipetik oleh Pemohon di dalam Hujahan Bertulisnya tidak menggambarkan dengan sepenuhnya mengapa *maxim noscitur a sociis* tersebut digunapakai oleh Mahkamah Rayuan di dalam kes



tersebut. Responden dengan ini ingin membawa perhatian Mahkamah yang mulia ini kepada perenggan yang lebih awal daripada perenggan yang dirujuk oleh Pemohon yang menyatakan seperti berikut:

"It is plain from the several authorities which we have cited that there is no difference in substance between an order for committal and a writ of attachment. They were issued in respect of the same subject-matter, namely, the offence of contempt of Court. Parliament, when referring to both of them in s.33(l)(b) was no doubt contemplating the case of an advocate and solicitor who had been punished for committing contempt of Court. And it is no surprise that such an advocate and solicitor should be placed within the category of other members of the legal profession to whom the section has been made applicable. For, it is only fair and just that an advocate and solicitor who has been punished for contempt be not permitted to appear before a Court, save and except for very good reasons. And the power to withhold the Sijil Annual of such an



advocate and solicitor, when properly exercised by the respondent, achieves that objective.”

72. Petikan penghakiman kes **DP Vijandran** di atas menunjukkan keadaan di dalam kes tersebut adalah berbeza dengan isu di hadapan Mahkamah yang mulia ini sekarang. Di dalam kes tersebut, terma “*order for committal*” dan “*writ of attachment*” secara substantif mempunyai sifat yang sama iaitu kedua-duanya adalah perintah yang boleh diisu oleh Mahkamah untuk subjek-perkara yang sama iaitu kesalahan menghina Mahkamah. Oleh sebab itu, *maxim noscitur a sociis* sesuai digunakan untuk menafsirkan kedua-duanya kerana secara bersendirian pun ia membawa maksud yang sama sifatnya.
73. Begitu juga dengan perkataan “*transport*” yang tertera di dalam tafsiran perkataan “*trafficking*” di dalam seksyen 2 Akta Dadah Berbahaya 1952 [*Akta 234*] sebagaimana penghakiman di dalam kes **Ong Ah Chuan** oleh Privy Council. Perkataan “*transport*” ini wujud di antara perkataan-perkataan termasuk sebelumnya perkataan “*sell*”, “*give*” dan “*administer*” manakala selepasnya perkataan “*send*”,



“*deliver*” dan “*distribute*”, yang kesemuanya menurut Privy Council mempunyai sifat yang sama iaitu perbuatan-perbuatan pemindahan pemilikan yang melibatkan sekurang-kurangnya dua pihak. Sekali lagi, *maxim noscitur a sociis* sesuai digunakan di sini kerana kesemua perkataan di dalam tafsiran “*trafficking*” tersebut bersifat yang sama.

74. Untuk mengukuhkan hujahan ini lebih lanjut, rujukan adalah dibuat kepada peruntukan lain di dalam Akta 694 yang relevan. Ini adalah bertujuan untuk melihat sedalam-dalamnya niat Parlimen dalam menggubal Akta 694. Ini juga selaras dengan penghakiman Mahkamah Persekutuan di dalam kes **Kesultanan Pahang v Sathask Realty Sdn Bhd [1998] 2 MLJ 513 [TAB - 19]** yang menyatakan:

“I would like to emphasize that the primary purpose for going through the whole statute while interpreting it should be to discover the legislature’s intention by means of the purposive approach rule. Thus, Lord Evershed in the House of Lords Re Newspaper Proprietors’ Agreement [1964] 1 WLR 31 at p 39 said: ‘... [t]here is, indeed,



solid and respectable authority for the rule that you should begin at the beginning, and go on till you come to the end, then stop... when construing an Act of Parliament and seeking to discover from the Act the parliamentary intention'. In that case, incidentally, the House of Lords found that s 20 of England's Trade Practices Act 1959 applied also to agreements that had already been terminated by both parties, and not only to existing agreements."

75. Responden ingin membawa perhatian Mahkamah yang mulia ini kepada peruntukan seksyen 17A(8) Akta 694 [TAB - 20] yang menyatakan seperti berikut:

"17A. Kesalahan oleh organisasi komersial

(8) Bagi maksud seksyen ini, "organisasi komersial" ertinya—

(a) suatu syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777] dan menjalankan perniagaan di Malaysia atau di tempat lain;



- (b) suatu syarikat di mana jua diperbadankan dan menjalankan perniagaan atau sebahagian daripada perniagaan di Malaysia;
- (c) suatu perkongsian—
 - (i) di bawah Akta Perkongsian 1961 [Akta 135] dan menjalankan perniagaan di Malaysia atau di tempat lain; atau
 - (ii) yang merupakan perkongsian liabiliti terhad yang didaftarkan di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 [Akta 743] dan menjalankan perniagaan di Malaysia atau di tempat lain; atau
- (d) suatu perkongsian di mana jua ditubuhkan dan menjalankan perniagaan atau sebahagian daripada perniagaan di Malaysia.”

76. Kesemua perenggan (a) hingga (d) kepada subseksyen (8) kepada seksyen 17A Akta 694 menyatakan organisasi komersil adalah syarikat atau perkongsian yang “menjalankan perniagaan”. Tidak ada satu pun antara perenggan tersebut yang menyatakan organisasi



komersil adalah syarikat atau perkongsian yang “menjalankan hal ehwal”. Ini menunjukkan perkataan “perniagaan” dan “hal ehwal” tidak diniatkan oleh Parlimen untuk dibaca dalam konteks yang sama menggunakan prinsip penafsiran *noscitur a sociis* sepertimana yang dihujahkan oleh Pemohon. Sekiranya itulah niat penggubal undang-undang, sudah semestinya “organisasi komersil” ditakrifkan di dalam seksyen 17A(8) Akta 694 sebagai:

- (a) suatu syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777] dan menjalankan perniagaan atau hal ehwalnya di Malaysia atau di tempat lain;
- (b) suatu syarikat di mana jua diperbadankan dan menjalankan perniagaan atau sebahagian daripada perniagaan atau hal ehwalnya di Malaysia;
- (c) suatu perkongsian—
 - (i) di bawah Akta Perkongsian 1961 [Akta 135] dan menjalankan perniagaan atau hal ehwalnya di Malaysia atau di tempat lain; atau



- (ii) yang merupakan perkongsian liabiliti terhadap yang didaftarkan di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhadap 2012 [Akta 743] dan menjalankan perniagaan atau hal ehwalnya di Malaysia atau di tempat lain; atau
- (d) suatu perkongsian di mana jua ditubuhkan dan menjalankan perniagaan atau sebahagian daripada perniagaan atau hal ehwalnya di Malaysia.”

77. Dan selaras dengan hujahan Pemohon bahawa Parlimen tidak menggubal undang-undang dengan sia-sia (*Parliament does not legislate in vain*), sekiranya Parlimen meniatkan ‘perniagaan’ dan ‘hal ehwal’ perlu dibaca dalam konteks yang sama, sudah semestinya ketika seksyen 17A digubal dan dimasukkan ke dalam Akta 694, perenggan (c) kepada takrifan “sekutu” di dalam seksyen 3 Akta 694 akan dipinda kepada “mana-mana organisasi komersil yang orang itu, ... , perniagaannya atau hal ehwalnya.”.

78. Akhir sekali, adalah juga dengan hormat dihujahkan sekiranya hujahan Pemohon bahawa perkataan “hal ehwalnya” perlu dibaca di



dalam konteks perkataan “perniagaannya” diterima sebagai tepat, ia akan menjadikan perenggan (c) kepada tafsiran perkataan “sekutu” di dalam seksyen 3 Akta 694 sebagai satu olokan (*mockery*). Di dalam keadaan di mana seseorang pegawai badan awam itu menggunakan jawatan atau kedudukannya untuk suapan bagi sebuah organisasi atau pertubuhan yang tidak menjalankan apa-apa kegiatan bagi maksud mendapat laba atau untung, contohnya sebuah Badan Bukan Kerajaan (NGO), yang mana pegawai itu menjadi pekongsi, atau bertanggungjawab bagi atau mengawal, atau mempunyai kepentingan mengawal dalam hal ehwalnya, beliau tidak akan dapat dituduh melakukan kesalahan di bawah seksyen 23 Akta 694. Ini sudah pastinya bukan niat Parlimen dalam menggubal Akta 694.

79. Dengan itu, adalah dengan hormatnya sekali lagi dihujahkan bahawa PPBM sebagai sebuah parti politik adalah terangkum dalam perkataan “organisasi” sebagaimana di dalam perenggan (c) kepada tafsiran perkataan “sekutu” di dalam seksyen 3 Akta 694.



E. SAMA ADA TERDAPAT PELANGGARAN HAK ASASI PEMOHON DALAM KES INI

80. Dalam Hujahan Pemohon, Pemohon telah menegaskan bahawa terdapat pelanggaran Perkara 5 dan Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan ["PP"] apabila pihak Responden gagal untuk menyatakan bagaimana cara penyalahgunaan kuasa dilakukan oleh Pemohon dalam pertuduhan-pertuduhan yang dihadapinya. Disebabkan kegagalan tersebut, Pemohon telah dinafikan haknya apabila tidak dapat menyediakan dan mengemukakan pembelaanya bagi kes ini. Pemohon juga menyatakan tindakan Responden mempunyai niat jahat sewaktu merangka pertuduhan-pertuduhan tersebut terhadap Pemohon.
81. Bagi menyokong dakwaan Pemohon tersebut, Pemohon telah mengemukakan beberapa nas undang-undang untuk menunjukkan bahawa Pendakwa Raya, dalam kes-kes tersebut, telah menyatakan cara penyalahgunaan kuasa yang dilakukan oleh Tertuduh-Tertuduh dalam pertuduhan terhadap mereka. Sebaliknya, bagi kes ini, Pendakwa Raya telah gagal berbuat sedemikian walaupun undang-



undang mewajibkan Responden untuk menyatakan cara penyalahgunaan kuasa dalam pertuduhan-pertuduhan tersebut. Kes-kes yang dirujuk oleh Pemohon adalah seperti berikut:-

- (a) **PP v Dato' Sri Najib Hj Abd Razak [2020] 8 CLJ 319;**
- (b) **Thomas @ Severinus Bin Kandadi v Public Prosecutor [2009] 7 MLJ 803; dan**
- (c) **PP v Arul Kanda Kandasamy & Another Case [2023] 3 CLJ 770.**

82. Pihak Responden sekali lagi menegaskan dan berhujah bahawa tiada undang-undang di Malaysia yang mengiktiraf penyalahgunaan kuasa sebagai suatu kesalahan yang dikenali oleh mana-mana undang-undang dalam negara ini. Pernyataan pihak Pemohon berkenaan kesalahan yang sama sekali tidak diperuntukan oleh undang-undang ini merupakan suatu silap tafsiran dan justeru, tiada keperluan pihak Responden menjelaskan mengenai cara kesalahan-



kesalahan penyalahgunaan kuasa seperti yang dinyatakan di dalam Hujahan Pemohon dan juga Afidavit Sokongan Pemohon. Walau apapun, jika diteliti pertuduhan-pertuduhan terhadap Pemohon, ia adalah suatu pertuduhan yang memberikan notis yang secukupnya kepada Pemohon seperti mana kesalahan yang dinyatakan. Responden menyangkal bahawa pertuduhan-pertuduhan terhadap Pemohon adalah cacat.

83. Responden juga menegaskan bahawa TIADA PELANGGARAN Perkara 5 dan 8 PP dalam kes ini sepertimana yang diujahkan oleh Pemohon. Pihak Responden telah mengemukakan notis dan butiran di dalam pertuduhan yang mencukupi dan lengkap untuk Pemohon dalam menyediakan pembelaanya.
84. Selain itu, setiap intipati atau elemen di bawah seksyen 23(1) ASPRM telah dinyatakan di dalam setiap pertuduhan seperti yang diujahkan di atas. Maka, dakwaan Pemohon iaitu pertuduhan yang cacat akan memprejudiskan Pemohon kerana ia menjejaskan hak



Pemohon kepada perbicaraan adil di bawah Perkara 5 dan 8 Perlembagaan Persekutuan adalah tidak berasas sama sekali.

85. Oleh yang demikian, Responden menegaskan bahawa tiada apa-apa pelanggaran PP terutamanya Perkara 5 dan 8 PP seperti yang dinyatakan oleh Pemohon dengan penjelasan-penjelasan di bawah.

(i) Isu berkenaan dengan Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan (PP)

86. Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan [TAB - 21] telah memperuntukkan seperti berikut:-

"Liberty of the person

"5(1) No person shall be deprived of his life or personal

liberty save in accordance with law.

[penekanan ditambah]



87. Perlindungan hak asasi yang diberikan melalui peruntukan Perkara 5(1) PP boleh diguna pakai oleh mana-mana orang untuk mencabar sebarang cadangan yang melanggar atau menyekat hak asasi seseorang berhubung dengan perkara yang melibatkan perlindungan terhadap 'life' atau nyawa mereka.
88. Sesungguhnya, adalah tidak dinafikan bahawa dalam setiap perbicaraan jenayah, Perkara 5(1) PP menjamin setiap Tertuduh termasuk Pemohon satu perbicaraan yang adil tetapi masih tertakluk kepada perkataan "*save in accordance with law*". Dalam erti kata lain, tiada seseorang boleh ditangkap, ditahan atau dipenjarakan kecuali dibenarkan oleh undang-undang dalam negara ini. Jika terdapat pelanggaran terhadap mana-mana hak ini, mana-mana Tertuduh termasuk Pemohon berhak untuk dibebaskan dalam mana-mana perbicaraan jenayah.
89. Dalam kes *Re Mohamad Ezam Mohd Nor* [2002] 5 CLJ 156 [TAB – 22], Mahkamah telah memutuskan bahawa fasa "*save in accordance with law*" dalam Perkara 5(1) memerlukan bahawa harus ada undang-undang yang khusus dan jelas



(*explicit and specific law*) yang sebenarnya menyediakan untuk itu.

90. Perkara yang sama juga diputuskan Dalam kes **Letitia Bosman v Public Prosecutor and other appeals (No 1) [2020] 5 MLJ 277** [TAB – 23] Mahkamah Persekutuan telah memutuskan bahawa hak terhadap nyawa atau kebebasan asasi yang diperuntukkan dan dijamin oleh PP boleh dinafikan atau disekat selagi mana ianya dilaksanakan berlandaskan undang-undang.

91. Adalah nyata bahawa perkataan “law” yang diperuntukan di dalam Perkara 5(1) PP tidak boleh mencabar perlembagaan sesuatu undang-undang yang telah diluluskan. Justeru Perkara 5(1) PP ini bukanlah suatu peruntukan untuk mencabar sesuatu undang-undang mahupun kuasa Pendakwa Raya untuk menguatkuasakannya. Mahkamah dalam hal ini hanya wajar melaksanakan menurut keputusan dan niat Parlimen untuk mewujudkan undang-undang tersebut.



92. Justeru adalah dihujahkan bahawa permohonan Pemohon ini adalah suatu tindakan yang mencabar kuasa Pendakwa Raya dan juga perlembagaan sesuatu undang-undang. Persoalan yang perlu diputuskan oleh Mahkamah yang mulia ini adakah permohonan ini adalah suatu permohonan berpelembagaan dan menurut apa yang termaktub dalam PP.
93. Prinsip di atas jelas dirujuk dalam kes **PP v Yee Kim Seng [1983] 1 MLJ 252 [TAB – 24]** , Mahkamah menyatakan seperti berikut:

The fundamental right of equality before the law and to the equal protection of the law are not violated by the fact that the accused is charged under section 57(1)(b) of the Internal Security Act and not under section 8 of the Arms Act. Under article 145(3) of the Federal Constitution the Attorney-General has the power exercisable at his discretion to institute, conduct or discontinue criminal proceedings for any offence. It is up to the Attorney-General to decide if he would charge any person and under which law depending on the evidence available to him. The power relating to criminal



proceedings as set out in article 145(3) is vested in the most high-ranking law officer in the country and as such it must be presumed that he would exercise his power fairly and in the best interests of justice. Therefore if the exercise of his power under article 145(3) is to be challenged it must be shown to the satisfaction of the court that in exercising his power the Attorney-General acted in bad faith or that he acted outside the scope of article 145(3) of the Federal Constitution. In the present case there is no evidence of bad faith on the part of the Attorney-General nor is there any suggestion that he acted beyond his power under article 145(3). The decision to charge the accused under the Internal Security Act and not under the Arms Act was a legitimate exercise.

The courts are concerned with the administration of law and they are obliged to administer the law as it is found in the statute books. Whether or not the death sentence is morally right or wrong is a matter



not for the courts but for Parliament to decide. It may not be out of place however to mention here that in order to mitigate the extreme sentence of death there is provision for review by the Pardons Board and in suitable cases death sentences are commuted to life imprisonment and even to lesser terms of imprisonment.

94. Prinsip yang sama juga dinyatakan di dalam kes **Teh Cheng Poh v PP [1979] 1 MLJ 50 [TAB – 25]**, Lord Diplock menyatakan dalam kes Mahkamah Agong ini bahawa:

"It was contended on behalf of the appellant that the exercise of this discretion by the Attorney General deprived the appellant of his right under Article 8(1) of the Constitution to equality before the law. The Clause reads: "(1) All persons are equal before the law and entitled to the equal protection of the law."

Their Lordships agree with the Federal Court in rejecting this contention. Under the common law system of administration of criminal justice a prosecuting authority has a discretion whether to



institute proceedings at all and, if so, with what offence to charge the accused. Such a discretion is conferred upon the Attorney General of Malaysia by Article 145(3) of the Constitution, viz;

"The Attorney General shall have power, exercisable at his discretion, to institute, conduct or discontinue any proceedings for an offence, other than proceedings before a Muslim court, a native court or a court-martial."

There are many factors which a prosecuting authority may properly take into account in exercising its discretion as to whether to charge a person at all, or, where the information available to it discloses the ingredients of a greater as well as a lesser offence, as to whether to charge the accused with the greater or the lesser. The existence of those factors to which the prosecuting authority may properly have regard and the relative weight to be attached to each of them may vary enormously between one case and another. All that equality before the law requires, is that the cases of all potential defendants to criminal charges shall be given unbiassed consideration by the prosecuting authority



and that decisions whether or not to prosecute in a particular case for a particular offence should not be dictated by some irrelevant consideration.”

95. Selain prinsip yang dinyatakan di atas dan hujahan mengenai kuasa Pendakwa Raya, persoalan lain yang timbul ialah apakah yang boleh dianggap sebagai satu perbicaraan yang adil seperti yang dijamin di bawah Perkara 5(1) PP dan sama ada dalam kes ini Pemohon telah diberikan satu perbicaraan yang adil mengikut undang-undang sedia ada?
96. Pertamanya, kita perlu menentukan apa yang dianggap sebagai satu perbicaraan yang adil dalam konteks perbicaraan jenayah. Dalam kes **Lee Kwan Woh v PP [2009] 5 CLJ 631 [TAB – 26]**, Mahkamah Persekutuan telah menyatakan seperti berikut:-

“...It is clear from the authorities that it is a fundamental right guaranteed by art 5(1) that a person’s life (in its widest sense) or his or her personal liberty (in its widest sense) may not be deprived save



in accordance with State action that is fair both in point of procedure and substance. Whether an impugned State action is substantively or procedurally fair must depend on the fact pattern of each case.

However, when the principle is applied to a criminal case, what it means is that an accused has a constitutionally guaranteed right to receive a fair trial by an impartial tribunal and to have a just decision on the facts. If there is an infraction of any of these rights, the accused is entitled to an acquittal...”

[penekanan ditambah]

97. Berdasarkan prinsip undang-undang di dalam **Lee Kwan Woh v PP** (*supra*), Mahkamah Persekutuan telah jelas menyatakan bahawa perbicaraan adil telah diberikan jika perbicaraan itu didengar oleh tribunal yang bebas dan keputusan yang diberikan adalah mengikut fakta dan keterangan yang dikemukakan dalam perbicaraan. Ini



termasuk hak tertuduh untuk membuat hujahan pada akhir kes Pendakwaan.

98. Selain itu, hak untuk diwakili oleh peguam yang pengalaman dan kompeten juga merupakan satu aspek yang penting dalam perbicaraan yang adil. Prinsip ini disokong dalam dua kes Mahkamah Persekutuan iaitu **Yahya Hussein Mohsen Abdulrab v PP [2021] 9 CLJ 414 [TAB – 27]** dan **Dato’ Sri Mohd Najib Hj Abd Razak v PP [2022] 8 CLJ 378 [TAB - 28]**
99. Berdasarkan otoriti-otoriti tersebut, soalan seterusnya yang perlu dipertimbangkan oleh Mahkamah yang Mulia ini adalah sama ada hak Pemohon didalam kes ini untuk suatu perbicaraan yang adil telah dilanggari atau tidak. Responden menghujahkan bahawa hak-hak Pemohon adalah **TIDAK DILANGGARI**. Ini berdasarkan alasan-alasan berikut:
- (a) Isu sama ada terdapat pelanggaran Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan tidak wujud pada peringkat ini memandangkan



perbicaraan untuk kes ini belum bermula. Maka, kesemua dakwaan Pemohon adalah pra-matang dan tindakan memulakan permohonan ini juga boleh diputuskan sebagai suatu tindakan tidak berpelembagaan;

- (b) Dalam apa-apa jua keadaan, pada peringkat ini, hak Pemohon di bawah Perkara 5(1) Perlembagaan Persekutuan telah dijamin kerana segala prosedur-prosedur mengikut undang-undang sedia ada khususnya Kanun Tatacara Jenayah telah dipatuhi oleh Responden;
- (c) Pemohon diwakili oleh pasukan peguam yang layak;
- (d) Tanpa sebarang keraguan bahawa perbicaraan penuh bagi kes ini akan didengar di hadapan Hakim yang bebas dan tidak memihak kepada mana-mana pihak dalam kes ini.

100. Selanjutnya, seperti yang telah diujahkan di atas, kesemua pertuduhan terhadap Pemohon telah membutirkan dan menyatakan



dengan jelas perkara-perkara yang seharusnya dimasukkan di dalam pertuduhan.

101. Setiap elemen dan intipati di bawah seksyen 23(1) ASPRM 2009 telah jelas dinyatakan di dalam pertuduhan-pertuduhan ke atas Pemohon. Maka, kesemua kehendak di bawah seksyen 152 dan 154 Kanun Tatacara Jenayah telah dipenuhi bagi setiap pertuduhan terhadap Pemohon. Memandangkan ini telah dinyatakan secukupnya, maka hujahan dan pernyataan Pemohon bahawa pertuduhan-pertuduhan terhadap Pemohon adalah defektif atau cacat adalah tidak berasas. Prinsip ini boleh disokong dalam kes Mahkamah Rayuan **Mohd Ismail Syed Merah v PP & Other Appeals** [2022] 5 CLJ 218 (*supra*) dan **Abdul Azeez Abdul Rahim v PP** [2022] 1 LNS 1995 [TAB – 29]

102. Oleh yang demikian, Responden menghujahkan bahawa pertuduhan-pertuduhan ke atas Pemohon dalam kes adalah tidak bertentangan dengan Perkara 5 PP memandangkan segala undang-undang prosedur dan substantif telah dipatuhi oleh Responden.



Maka, dakwaan Pemohon bahawa kecacatan pertuduhan telah melanggar hak Pemohon di bawah Perkara 5(1) PP adalah tidak berasas. Selain itu, dakwaan Pemohon bahawa pendakwaan terhadap pemohon adalah berniat jahat juga seperti yang dihujahkan di atas sama sekali tidak berasas dan melanggar kuasa Pendakwa Raya yang telah terjamin di dalam PP.

103. Sebagai tambahan, permohonan ini sendiri sekiranya dibenarkan oleh Mahkamah yang mulia ini, boleh melanggar kehendak perlembagaan kerana pihak Responden telah memenuhi semua kehendak dan peruntukan undang-undang, sewajarnya tiada lagi alasan yang boleh digunakan oleh Pemohon untuk mengeneipkan pertuduhan terhadapnya melainkan melalui proses perbicaraan yang adil dimana saksi-saksi dipanggil dan keterangan dikemukakan di hadapan Mahkamah yang mulia ini untuk dinilai dan diputuskan.

(ii) Isu berkenaan dengan Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan



104. Pihak Responden selanjutnya berhujah dengan isu sama ada hak Pemohon di bawah Perkara 8 PP [TAB – 30] telah dilanggari atau tidak.
105. Perkara 8(1) PP memperuntukkan bahawa semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang. Selanjutnya, Perkara 8(2) PP menekankan bahawa kecuali sebagaimana yang dibenarkan dengan nyata oleh PP, tidak boleh ada diskriminasi terhadap warganegara semata-mata atas alasan agama, ras, keturunan, tempat lahir atau jantina. Perkara 8 PP adalah seperti yang berikut:

“Equality

8. (1) All persons are equal before the law and entitled to the equal protection of the law.

(2) Except as expressly authorized by this Constitution, there shall be no discrimination against citizens on the ground only of religion, race, descent, place of birth or gender in any law or



in the appointment to any office or employment under a public authority or in the administration of any law relating to the acquisition, holding or disposition of property or the establishing or carrying on of any trade, business, profession, vocation or employment. ...”

[penekanan ditambah]

106. Dalam hujahan Pemohon, Pemohon telah menegaskan dan mempersoalkan tindakan Responden yang dikatakan gagal menyatakan cara penyalahgunaan kuasa seperti mana dalam pertuduhan-pertuduhan lain, walhal dalam kes yang berbeza tetapi kesalahan yang sama, Responden telah membutirkan cara penyalahgunaan kuasa dalam pertuduhan. Oleh kerana pernyataan ini, Pemohon menegaskan bahawa hak asasi di bawah Perkara 8 PP telah dilanggari memandangkan Pemohon tidak diperlakukan sama seperti tertuduh lain (*not treated the same as other accused*) dalam kes yang berlainan.



107. Responden sekali lagi menegaskan dan menghujahkan bahawa hak asasi Pemohon di bawah Perkara 8 PP TIDAK DILANGGARI. Selain itu, Pihak Responden juga berhujah bahawa Pemohon telah gagal untuk memahami konteks Perkara 8 PP dan dalam keadaan mana Perkara 8 PP akan terpakai. Hujahan dan pemahaman Pemohon mengenai pemakaian Perkara 8 PP diambil di luar konteks sebenar peruntukan ini.
108. Walau apapun, pemakaian sebenar Perkara 8 PP juga dihujahkan perlu dibaca berpandukan kepada Perkara 145(3) PP iaitu peruntukan yang memberi kuasa kepada Pendakwa Raya untuk diskriminasi terhadap individu. Dalam hal ini kes **Johnson Tan Han Seng v PP [1977] 2 MLJ 66 [TAB – 31]** seperti berikut adalah dirujuk:

(5) the Attorney-General has power to discriminate between persons alleged to be in possession of firearms or ammunition and to charge them differently. As in England, the Attorney-General in



Malaysia is permitted to take into account the public interest when deciding what charge or charges to prefer against an accused;

(6) the Attorney-General was not acting mala fide in charging the accused under the Internal Security Act, as the accused came within the scope of sections 57 and 58 of the Internal Security Act;

109. Berdasarkan kepada prinsip di atas, adalah jelas pemakaian peruntukan dalam PP ini telah disalah gunakan oleh Pemohon sebagai salah satu alasan kepada Permohonan Pemohon iaitu pertuduhan terhadap Pemohon tidak menyatakan cara sesuatu kesalahan dilakukan tidak seperti tertuduh untuk kes-kes yang lain. Kesalahan pemakaian konteks undang-undang oleh Pemohon tidak wajar disamakan dengan hak kesamarataan berdasarkan prinsip kes di atas. Justeru adalah dipohon Mahkamah yang mulia ini untuk menolak asas kepada permohonan ini memandangkan ia adalah alasan yang kabur dan tidak diperuntukan dan dijamin dalam mana-mana undang-undang terutama PP.



110. Secara amnya, bagi menentukan hak kesamarataan undang-undang, yang perlu dilihat ialah sama ada aplikasi undang-undang tersebut kepada warganegara adalah bercanggah dengan prinsip kesamarataan yang termaktub di bawah Perkara 8(1) PP dan termasuk di bawah salah satu bentuk diskriminasi yang dilarang di bawah Perkara 8(2) PP iaitu atas alasan agama, ras, keturunan, tempat lahir atau jantina. Sekiranya ia bukan salah satu bentuk diskriminasi yang diperincikan di bawah Perkara 8(2) PP, maka aplikasi undang-undang tersebut adalah seperti mana peruntukan Perkara 8(1) PP dan ianya tidak boleh dicabar.

111. Bagi menentukan isu sama ada Perkara 8 telah dilanggari atau tidak, ia adalah penting untuk memahami definasi perkataan “law” atau undang-undang seperti yang dinyatakan dalam konteks Perkara 8 PP. Dalam kes mahkamah Rayuan **PP v Aluma Mark Chinonso** [2020] 1 LNS 584 [TAB- 32], Mahkamah menyatakan seperti berikut:-



“Law must therefore satisfy certain basic requirements, namely:

- (a) It should be clear;*
- (b) sufficiently stable;*
- (c) generally prospective;*
- (d) of general application;*
- (e) administered by an independent judiciary; and*
- (f) the principles of natural justice and the right to a fair trial are observed.*

These requirements of ‘law’ in a system based on the rule of law are by no means exhaustive. While the precise procedural and substantive content of the rule of law remains the subject of much academic debate, there is a broad acceptance of the principles above as the minimum requirements of the rule of law.”

112. Selanjutnya, pihak Responden ingin membawa perhatian Mahkamah kepada kes Dato’ Sri Mohd Najib Abd Razak v PP



[2022] (*supra*) yang mana Mahkamah Persekutuan menyatakan seperti berikut:-

“Article 8 of the Federal Constitution and the rule of law demand that the appellant be treated just like any other accused. As such, we state again that while the appellant is entitled to his right to change his counsel, he is not entitled to make this choice at the expense of the court, the prosecution or the entire justice system.”

113. Berdasarkan otoriti-otoriti di atas, soalan yang relevan yang perlu diputuskan oleh Mahkamah yang Mulia ini adalah sama ada Pemohon dalam kes ini diperlakukan sama dengan mana-mana tertuduh lain dalam perbicaraan jenayah (*whether the Applicant is treated just like any other accused in a criminal trial*). Adalah dihujahkan sebagai membalas pemahaman Pemohon iaitu *equal protection before the law* bukanlah ditentukan melalui perkataan yang dinyatakan dalam sesuatu pertuduhan dimana dihujahkan tiada cacat atau kesalahan



terhadap pertuduhan yang dibuat terhadap Pemohon. Pihak Responden merujuk kepada keputusan Mahkamah Rayuan dalam *Imran Zakaria v PP* [2022] 2 CLJ 396 [TAB – 33], Mahkamah Rayuan memutuskan seperti berikut:-

“Arbitrary use of the presumption provisions, without any fixed guidelines, when there is direct evidence of the facts to be presumed may also prejudice the accused in another way. When the presumption provisions are invoked in one case and not in another although there is direct evidence of the facts to be presumed in both instances there may be a violation of art. 8(1) of the Federal Constitution which guarantees equal protection of the law. *It has been held that the guarantee of equal protection applies against substantive as well as procedural laws* (see *Lachmandas v. State of Bombay* [1952] SCR 710; *State of WB v. Anwar Ali* [1952] SCR 284; *Kewal Singh v. Lajwanti* AIR 1980 SC 161; *Chandra Bhawan v. State of Mysore* [1969] II SCWR 750). *From the standpoint of the latter it means that all*



litigants, who are similarly situated, are able to avail themselves of the same procedural rights for relief and for defence without discrimination (see *Shorter Constitution of India* by D G Basu 12 Ed. P. 51). It follows that where there is direct evidence of a fact to be presumed the presumption cannot be invoked on the basis of a discretion. The rule must be applied equally to all cases that fall within the same class so that there is no discrimination in the manner of conducting the defence. That would amount to a reasonable classification for the purpose of art. 8(1) of the Federal Constitution.”

114. Selanjutnya merujuk kepada kes **Datuk Haji Harun Bin Haji Idris v Public Prosecutor** [1977] 2 MLJ 155 [TAB – 34]. Prinsip asas berkenaan tafsiran Perkara 8 PP telah digariskan dalam kes ini di mana HMP YAA Suffian dalam penghakimannya telah merujuk kepada beberapa kes India, dan telah merumuskan dan menyenaraikan prinsip-prinsip tersebut, iaitu –



- (a) peruntukan berhubung kesamarataan bukanlah suatu peruntukan yang mutlak. Peruntukan tersebut tidak bermaksud undang-undang sedemikian hendaklah diguna pakai secara seragam kepada semua orang dalam semua keadaan di mana-mana jua;
- (b) peruntukan berhubung kesamarataan adalah peruntukan yang mempunyai pengecualian. Secara khususnya diskriminasi dibenarkan dalam Perkara 8(5) PP dan dalam Perkara 153 PP;
- (c) larangan berhubung dengan layanan ketidaksamarataan bukan sahaja terpakai kepada pihak perundangan (legislatif) malah juga terpakai kepada pihak eksekutif. Hal ini kerana penggunaan frasa 'pihak berkuasa awam' (*public authority*) dalam Fasal 4 dan perkataan 'amalan' (*practice*) dalam Perkara 8(5)(b) PP;



- (d) larangan berkaitan ketidaksamarataan ini terpakai kepada undang-undang substantif serta undang-undang berhubung prosedur;
- (e) Perkara 8 PP sendiri membayangkan bahawa diskriminasi berdasarkan klasifikasi tertentu adalah dibenarkan oleh undang-undang; dan
- (f) Di India, persoalan pertama yang ditanya adalah sama ada terdapat klasifikasi atau tidak dalam peruntukan tersebut. Sekiranya wujud klasifikasi dan tertakluk kepada syarat-syarat lain, maka peruntukan tersebut adalah sah. Jika sebaliknya, peruntukan perundangan tersebut adalah terbatal.

115. Pihak Responden menghujahkan bahawa dalam sesuatu perbicaraan jenayah, Perkara 8(1) Perlembagaan Persekutuan menjamin hak Tertuduh bahawa setiap Tertuduh berhak mendapatkan semua hak substantif dan prosedural termasuk hak untuk mengemukakan



pembelaannya di hadapan Mahkamah sama seperti dengan Tertuduh dalam kes yang berlainan.

116. Pihak Responden berhujah bahawa tiada pelanggaran hak Pemohon di bawah Perkara 8(1) Perlembagaan Persekutuan dengan alasan-alasan seperti berikut:-

- (a) Pemohon telah diberikan hak prosedural yang sama dan berhak untuk mengemukakan sebarang permohonan / pembelaan sama seperti dengan Tertuduh dalam kes yang berlainan tanpa diskriminasi;
- (b) Pemohon berhak untuk menyediakan segala pembelannya dalam kes ini;
- (c) Pertuduhan-Pertuduhan yang dihadapi oleh Pemohon adalah tidak bersifat diskriminasi memandangkan keperluan undang-undang di bawah seksyen 152, 153 dan 154 Kanun Tatacara Jenayah telah dipatuhi;



(d) Sepertimana yang diujahkan di atas cara atau bagaimana Pemohon menggunakan kedudukannya boleh dibuktikan melalui keterangan-keterangan sewaktu perbicaraan penuh kelak dan tidak perlu dinyatakan di dalam pertuduhan-pertuduhan. Perkara utama yang perlu dipertimbangkan adalah elemen atau intipati di bawah seksyen 23(1) ASPRM dimasukkan dalam pertuduhan-pertuduhan yang menjadi hal perkara dalam permohonan ini telah dipenuhi dan dipatuhi bukanlah cara dimana sesuatu elemen itu dicapai. Adalah suatu yang pra matang untuk mengujahkan mengenai cara bagaimana suatu kesalahan itu perlu dijelaskan sedangkan keterangan daripada saksi-saksi masih belum didengar.

117. Berdasarkan alasan-alasan di atas, pihak Responden mengujahkan bahawa tidak ada pelanggaran hak-hak perlembagaan Pemohon dalam kes ini. Kami dengan rendah diri memohon agar Permohonan Pemohon ditolak oleh Mahkamah yang Mulia ini.



F. PENUTUP

118. Kami memohon Mahkamah yang Mulia ini menolak permohonan pihak Pemohon seperti yang terkandung di dalam Notis Usul

Bertarikh pada 7 haribulan Julai 2023



**TIMBALAN PENDAKWA RAYA
SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA
b.p PENDAKWA RAYA MALAYSIA**





S/N zsqEHn9dG06XxB0NTJ572A

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

